

Seni silat kian popular di Barat

19 AUG 1982

PENCAK SILAT

SENI bela diri bukan rumpun Melayu seperti karate, tae kwon-do, jiu-jitsu, judo dan gong fu begitu popular di kalangan peminat sukan di negara-negara Eropah.

Populariti yang dicapai oleh kesenian bela diri itu bukan bererti bahawa seni bela diri rumpun Melayu, atau lebih dikenali sebagai seni silat atau pencak silat, tidak setangkas atau sehebat gong fu atau tae-kwon-do.

Tetapi, ia ada hubungan dengan cara seni itu diperkenalkan kepada bangsa-bangsa lain sama ada dalam bentuk publisiti alat sebaran am mahupun usaha-usaha penggalak yang lain.

Agak kekok

Bagaimanapun, satu laporan yang dimuatkan dalam majalah *Tempo* berkata bahawa seni bela diri pusaka Melayu itu kini semakin berkembang pesat di Negeri Belanda.

Seorang pegawai tentera Indonesia, Brigadier Jeneral Eddy Marzuki Nalapraya, melahirkan rasa keharuannya tetapi agak kekok bila beliau menyambut ketibaan serombongan pesilat kulit putih bulan lalu.

Ketika beliau mempersilakan anggota-anggota rombongan itu duduk setibanya mereka di

rumah beliau, mereka menyusun baris, memberi hormat sambil merapatkan tangan di dada.

Encik Eddy, yang juga Ketua Umum Ikatan Pencak Silat Indonesia (Ipsi), berkata bahawa bukan saja Negeri Belanda, kini seni silat telah bercambah dengan suburnya di beberapa buah negara Eropah termasuk Jerman Barat, Belgium, Luxemburg, Perancis, Britan, Denmark, Holland, Amerika Syarikat serta Arab Saudi.

Secara umum, para pesilat asing itu difahamkan telah berguru dengan para pelajar Indonesia yang sedang menuntut di negara-negara tersebut.

Jadi, untuk meluruskan lagi jurus-jurus silat itu di kalangan pesilat-pesilat luar negeri, Ipsi telah mengundang mereka untuk bertanding dalam Kejuaran Olahraga Pencak Silat Prasetya Mulya di Istora, Jakarta, baru-baru ini.

Sambutan yang diberikan oleh para pesilat asing itu begitu hangat. Negeri Belanda menghantar seramai 31 orang pendekar, Jerman Barat (10), Amerika (tujuh) dan dua lagi pesilat dari Australia.

Malaysia dan Singapura — yang turut mendirikan Persatuan Silat Antarabangsa (Persilat) bersama-sama Indonesia — masing-masing menghantar seramai 33 dan 51 orang pendekar.

Menurut Encik Yanuarno, Ketua Bahagian Luar Negeri Ipsi, pemuda-pemudi Eropah itu tertarik

dengan pencak silat "kerana ingin mengisi dada dengan seni budaya yang lain."

Ramai ibu bapa di Barat merasa puas hati kerana sejak anak-anak mereka mempelajari seni bela diri rumpun Melayu itu mereka menjadi lebih bersopan.

Seorang pesilat Belanda yang ditanya oleh Encik Eddy sebab-sebab beliau tidak memilih karate, gong fu, tae kwon-do atau sebagainya berkata: "Seni bela diri itu terlalu kaku. Dalam silat, saya juga boleh berdansa."

Seni bela diri Asia Tenggara seperti silat dan *arnis* (dari Filipina) mula popular di Amerika Syarikat sejak akhir dekad lalu. Seorang guru Encik Suryadi Jafri, yang telah menjadi guru silat di Amerika, berkata:

"Seni bela diri dari Jepun, Korea dan China telah terlalu komersil. Ramai pemuda Amerika yang telah bertukar perguruan untuk mempelajari silat atau *arnis* yang bukan saja mengajar silat secara fizikal tetapi mental."

Individu cergas

Memang diakui bahawa seni silat bukan saja mengandungi unsur-unsur sukan untuk dipertandingkan tetapi juga pendidikan mental, yang jika diamalkan dan dihayati secara bersungguh-sungguh akan menghasilkan seorang individu yang cergas dan dinamik.

Dengan perkembangan terbaru itu, masa depan seni silat Melayu untuk menyaingi populariti seni bela diri yang lain adalah cerah, dengan syarat usaha-usaha mempopularkannya diteruskan dengan bersungguh-sungguh.